

SULIT
3755/1
Perdagangan
Kertas 1
2010
1 ¼ jam

3755/1



JABATAN PELAJARAN PERAK

GERAK GEMPUR SPM
2010

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kakulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

3755/1

<http://exammy.com/>
<http://edu.joshuatly.com/>

[Lihat sebelah]
SULIT

- 5 Apakah kepentingan bank kepada peruncit?
- A Menyimpan stok niaga
 - B Menyimpan wang jualan
 - C Memperkenalkan stok niaga
 - D Menyampaikan maklumat pasaran

Soalan 6 dan 7 berdasarkan maklumat berikut.

Kilang Kasut ROSA memasarkan sendiri kasut keluarannya melalui kedai-kedai cawangannya yang dinamakan Pusat Kasut ROSA. Terdapat 12 buah cawangan termasuk Sabah dan Sarawak.

- 6 Nyatakan jenis perniagaan runcit yang dijalankan.
- A Pasar Raya
 - B Kedai Sejaras
 - C Kedai Katalog
 - D Gedung Aneka Jabatan
- 7 Antara berikut yang manakah ciri Pusat Kasut ROSA.
- A Stok barang niaganya diedarkan oleh ibu pejabat
 - B Setiap cawangan perlu membuat promosi sendiri
 - C Setiap cawangan mempunyai logo yang berbeza
 - D Pengurus cawangan mempunyai kuasa penuh atas perniagaan
- 8 Perbualan antara seorang peniaga dengan pelanggannya.

Syarikat Tip Top Auto : Kami terpaksa menarik semula kereta puan hari ini.
Puan Anisah : Kenapa encik?
Syarikat Tip Top Auto : Puan dah 3 bulan tidak menjelaskan ansuran....

Kaedah jualan yang digunakan dalam dialog di atas ialah

- A Sewa beli
- B Konsainan
- C Bayaran tertunda
- D Bayaran terdahulu

- 9 Invois yang diterima oleh Kedai Kasut Effy.

Asal	TABA ENTERPRISE No. 3 Bangunan TABA 40000 Shah Alam Tel. No 88899396	TB0123	
	INVOIS		
Kepada, Kedai Kasut Effy Lot 7 Jalan Timur 3 30000 IPOH		Tarikh: 12 Mei 2005	
KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
50	Kasut 'Apache'	80.00	4000.00
50	Kasut 'Robo'	30.00	1500.00
50	Kasut Sukan 'Airah'	100.00	<u>5000.00</u>
	Tolak diskaun niaga 20%		10500.00 2100.00
	JUMLAH		8400.00

(Ringgit: Lapan ribu empat ratus sahaja)
5% 7 hari,
K. & K. di K.

Zaini
.....
T.T. Penerima
Muhsin
.....
T.T. Pengurus

Hitungkan jumlah yang perlu dijelaskan oleh Kedai Kasut Effy jika bayaran dijelaskan pada 21hb Mei 2005

- A RM 7 980
- B RM 8 400
- C RM10 500
- D RM12 600

- 10 Nyatakan dokumen yang digunakan untuk menambahkan hutang pembeli.

- A Nota kiriman
- B Nota serahan
- C Nota kredit
- D Nota debit

11 Rajah 1 merupakan barang-barang pengguna.



Pilih saluran agihan yang paling sesuai digunakan untuk memasarkan barang tersebut.

- A Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
- B Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- C Pengeluar → Pemborong → Pengguna
- D Pengeluar → Ejen → Pengguna
- 12 Antara berikut yang manakah merupakan kepentingan perniagaan antarabangsa kepada pengeluaran?
- A taraf hidup meningkat
- B peluang pekerjaan bertambah
- C sumber bekalan mudah di dapati
- D keperluan dan kehendak mudah dipenuhi
- 13 Antara berikut yang manakah merupakan bantuan kerajaan sekiranya pengimport gagal menjelaskan hutang kepada pengeksport?
- A Taraf Perintis
- B Pengecualian Cukai
- C Skim Jaminan Kredit
- D Elaun Cukai Pelaburan

Bagi soalan 14 hingga 15 anda dikehendaki memilih jawapan berdasarkan jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Betul
B	Salah	Salah
C	Betul	Salah
D	Salah	Betul

- 14 I Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mempunyai nilai jualan melebihi RM25 juta.
- II Pusat Daya Pengeluaran Negara membantu meningkatkan kemahiran pekerja IKS.
- 15 I Lesen pembawa A membolehkan pemegang lesen menyewakan kenderaannya kepada orang lain.
- II Kapal Kargo belayar mengikut jadual tetap.
- 16 Maklumat berikut diambil dari buku Perniagaan Sungkai Berkat.

Kadar bayaran	RM234	Pemiutang	RM1,800
Penghutang	RM2,678	Insurans	RM300
Stok	RM1,970	Perabot	RM3,000
Komisen diterima	RM278	Modal	RM5,848

Hitungkan nilai aset Perniagaan Sungkai Berkat.

- A RM4 882
- B RM5 100
- C RM7 648
- D RM9 448

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan komputer dalam perniagaan.

Komputer berkebolehan menyusun data dan melakukan pengiraan.

Apakah bentuk pengurusan maklumat yang dilakukan oleh komputer?

- A Penganalisaan
- B Pengawalan
- C Penyebaran
- D Penyetoran

- 18 Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan X dan Perniagaan Y.

PERNIAGAAN X	PERNIAGAAN Y
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Modal terhad ▪ Liabiliti tidak terhad ▪ Pemilik bebas menguruskan perniagaan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Modal besar ▪ Liabiliti terhad ▪ Perlu mengeluarkan prospektus

Nyatakan jenis Perniagaan X dan Perniagaan Y.

	PERNIAGAAN X	PERNIAGAAN Y
A	Milikan tunggal	Syarikat Sendirian Berhad
B	Milikan tunggal	Syarikat Awam Berhad
C	Perkongsian	Syarikat Sendirian Berhad
D	Perkongsian	Syarikat Awam Berhad

- 19 Apakah ciri persamaan antara Koperasi dengan Syarikat Sendirian Berhad?

- I Menanggung liabiliti terhad
 - II Dikenakan cukai yang rendah
 - III Menikmati untung yang banyak
 - IV Ditadbirkan oleh Lembaga Pengarah
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

20 Antara berikut yang manakah perbezaan antara pelabur dengan spekulator?

	Pelabur	Spekulator
A	Membeli syer pada harga rendah dan menjual semula pada harga tinggi	Membeli syer untuk mendapat pulangan dalam bentuk dividen dan syer bonus
B	Penglibatannya menyebabkan ketidakstabilan harga saham di pasaran	Penglibatannya mengukuhkan harga saham di pasaran
C	Sentiasa mengharapkan prestasi syarikat berkembang dan harga syer akan naik	Sentiasa mengharapkan keuntungan daripada perbezaan harga syer
D	Sentiasa membuat ramalan tentang sesuatu harga syer	Sentiasa berhati-hati melakukan analisis kewangan dan prestasi syarikat

21 Encik Tarmizi mempunyai milikan dalam Syarikat Izmi Sdn. Bhd.

4000 syer keutamaan 8% RM2.00 seunit
 6000 syer biasa pada harga pasaran RM3.00 seunit.
 Nilai taranya RM1.00 seunit

Syarikat mengistiharkan 15% dividen ke atas syer biasa.

Hitungkan jumlah pendapatan Encik Tarmizi daripada pelaburannya.

- A RM3 340
- B RM2 700
- C RM1 540
- D RM 600

22 Bank Simpanan Nasional ditubuhkan untuk menggalakkan orang ramai.....

- A memohon pinjaman peribadi
- B melabur dalam Amanah Saham
- C menyimpan secara kecil-kecilan
- D memberi sijil simpanan premium

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Norzamli.

Encik Norzamli membuat pinjaman bank berjumlah RM75 000, kadar faedahnya 6% setahun. Beliau menggunakan RM40 000 untuk membeli kereta.

Hitungkan jumlah faedah tahunan yang perlu dibayar.

- A RM6 900
- B RM4 500
- C RM2 400
- D RM2 100

- 24 Situasi berikut berkaitan dengan Encik Wong.

Encik Wong mengarahkan bank membayar premium insurans sebanyak RM130 setiap bulan bagi pihaknya.

Apakah perkhidmatan bank yang paling sesuai digunakan?

- A Pindahan elektronik
- B Pindahan Kredit
- C Arahan Tetap
- D Debit terus

25 Dialog antara dua orang rakan.



Nyatakan peranan insurans dalam dialog tersebut.

- A Memupuk semangat berjimat cermat dan semangat menabung
- B Persediaan untuk menghadapi suatu kesusahan bakal dialami
- C Menggalakkan perkembangan perniagaan dan kegiatan ekonomi
- D Membantu kerajaan memajukan sektor pendidikan dengan proaktif

26 Logo dua buah syarikat insurans terkemuka di Malaysia.




Antara berikut pilih persamaan bagi kedua-dua skim insurans tersebut.

- I melindungi insurer dari pelbagai jenis risiko
 - II mengguna pakai prinsip asas insurans
 - III skim memberi maklumat tentang pelaburan mereka dengan jelas
 - IV melaburkan wang dana dalam apa saja pelaburan yang menguntungkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27 Antara berikut, pilih maklumat yang boleh diperolehi dari polisi insurans.

- I Jumlah premium yang perlu dijelaskan
 - II Nilai polisi yang boleh dituntut oleh insured
 - III Jenis risiko yang dilindungi oleh insurer
 - IV Prinsip-prinsip insurans yang perlu dipatuhi insurer
-
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

28 Rajah 2 di bawah menunjukkan jenis-jenis kapal bagi pengangkutan laut.




Apakah jenis kapal X ?

- A Kapal Tangki
 - B Kapal Kontena.
 - C Kapal Kerentan
 - D Kapal Penyetoran Sejuk
-
- 29 Antara berikut, yang manakah bukan merupakan faktor pemilihan jenis pengangkutan ?
- A Kos pengangkutan
 - B Risiko kerosakan
 - C Mudah didapati
 - D Ruang muatan
-
- 30 Antara berikut, pilih cara paling murah untuk mengirim surat ke luar negeri?
- A Surat
 - B Aerogram
 - C Mel Terus
 - D Posdaftar

- 31 Antara berikut, yang manakah kelebihan telefaks berbanding dengan teleks
- A maklumat dihantar dengan cepat dan bercetak
 - B maklumat dalam bentuk gambar boleh dihantar
 - C maklumat boleh di hantar dalam dan luar negeri
 - D maklumat boleh dihantar tanpa pengawasan 24 jam
- 32 Bagaimanakah pergudangan mampu menjamin bekalan barang yang berterusan?
- A Menyimpan stok berlebihan dan mengeluarkannya bila berlaku kekurangan di pasaran.
 - B Menyimpan stok dari rosak akibat kesan cuaca supaya tidak berlaku kekurangan di pasaran.
 - C Menyimpan stok berlebihan dan mengeluarkannya bila di luar musim pengeluaran.
 - D Menyimpan stok supaya tidak terdedah kepada risiko kecurian dan kebakaran.
- 33 Apakah kegunaan utama penyeteran sejuk kepada pengilang ais krim?
- A Membantu menstabilkan harga
 - B Menjamin keselamatan barang
 - C Mengelakkan kerosakan dan pembaziran
 - D Membolehkan aktiviti pecah pukal dilakukan


34 Rajah 3 berkaitan dengan Pasar Raya KITA



Apakah jenis promosi di atas?

- A Publisiti
- B Jualan terus
- C Pengiklanan
- D Promosi jualan

35 Rajah 4 merupakan promosi sebuah syarikat telefon prabayar terkemuka



Mengapakah syarikat tersebut masih menjalankan promosi?

- A Mewujudkan permintaan
- B Mengurangkan kos pemasaran
- C Untuk bersaing dengan pesaing lain
- D Memudahkan penyebaran maklumat

- 36 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pengiklanan

<p>DOLL.windows XP</p> <p><u>HANYA RM3 999</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Intel Pentium 4 Processor • 28 GHz • Percuma 2 Pen Drive • Dijamin 2 tahun <p>DAPATKAN SEGERA DI KEDAI BERHAMPIRAN</p>
--

Apakah gaya tarikan iklan yang digunakan?

- A Pujukan Moral
 B Pujukan Emosi
 C Pujukan Peribadi
 D Pujukan Rasional
- 37 Antara yang berikut, manakah pasangan yang benar?

	Undang-undang	Fungsi
A	Akta Perihal Dagangan 1972	Mengawal iklan palsu dan mengelirukan
B	Akta Sewa Beli 1967	Melindungi hak penjual dan pembeli yang terlibat dalam sesuatu urusan niaga
C	Akta Syarikat 1965	Memastikan pendaftaran semua jenis pemilikan perniagaan
D	Akta Kastam 1967	Mewajibkan perniagaan dan individu mengisytiharkan pendapatan

- 38 Antara berikut, yang manakah pembeli yang bijak?
- A Puan Fatimah membeli baju baru untuk anak-anaknya sehari sebelum hari raya
 B Erina membeli krim pemutih muka setelah dipujuk jurujual di pasar raya.
 C Halim ke pasar raya setiap hari untuk membeli barang keperluan harian
 D Zarina membeli baju setelah mencubanya terlebih dahulu.

39 Pernyataan berikut merujuk kepada hak pengguna

Semua peniaga perlu meletakkan tanda harga pada barang jualan mereka.

Hak yang dimaksudkan ialah.....

- A hak mendapat keperluan asas
- B hak mendapat keselamatan
- C hak mendapat ganti rugi
- D hak mendapat maklumat

40 Pernyataan berkaitan dengan Syarikat X Zone Sdn. Bhd.

Syarikat X Zone Sdn. Bhd. telah menjelaskan cukai keuntungan syarikat berjumlah RM1 juta pada tahun 2004

Syarikat tersebut telah memenuhi tanggung jawab terhadap

- A pekerja
- B pemodal
- C kerajaan
- D masyarakat

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT
3755/2
Perdagangan
Kertas 2
2010
2 jam

3755/2



JABATAN PELAJARAN PERAK

GERAK GEMPUR SPM
2010

PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas tulis yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

3755/2

<http://exammy.com/>
<http://edu.joshuatly.com/>

[Lihat sebelah]
SULIT

Bahagian A



Jawab mana-mana tiga soalan dalam bahagian ini.

- 1 a) Nyata dan terangkan faktor – faktor pengeluaran. [8 markah]
- b) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Fazli.

Encik Fazli merupakan seorang pengusaha bunga orkid. Beliau telah berjaya menghasilkan bunga orkid yang mempunyai kesegaran lebih lama serta berbau harum untuk dipasarkan ke seluruh negara.

- i) Terangkan ciri-ciri usahawan yang dimiliki oleh Encik Fazli. [2 markah]
- ii) Jelaskan peranan Encik Fazli dalam pembangunan ekonomi negara ? [8 markah]
- c) Bagaimanakah bank dapat membantu seorang peniaga dalam melancarkan aktiviti perniagaan ? [7 markah]

2. Gambar foto menunjukkan beberapa contoh barang dan perkhidmatan di pasaran.



- a) i. Nyatakan jenis saluran agihan yang sesuai untuk A dan B [2 markah]
- ii. Terangkan alasan anda mengenai saluran agihan yang dipilih. [6 markah]
- b) Maklumat berikut adalah mengenai Salon Kecantikan Mentari Indah Sdn Bhd.

Puan Syarifah Aliya ialah pemilik Salon Kecantikan Mentari Indah Sdn Bhd. Beliau menjalankan perkhidmatan rawatan kecantikan menggunakan produk kesihatan yang diproses sendiri di kilangnya. Baru- baru ini cawangan ke 10 salonnya dibuka di Bandar Baru Kampar.

Terangkan ciri jenis perniagaan runcit yang dijalankan oleh Puan Syarifah Aliya. [7 markah]

- c) Terangkan 5 tanggung jawab yang perlu dipenuhi oleh Puan Syarifah Aliya untuk menjaga kepentingan pelanggannya. [10 markah]

3 Dialog antara seorang guru dan pelajar semasa aktiviti perkhemahan.

Amin	: Cikgu! Cepat....Hassan terjatuh semasa turun dari bukit tadi. Tangannya patah...kepala pula berdarah.
Cikgu Asri	: Cepat!...Mari kita bawa ke klinik..
Amin	: Dia dari keluarga miskin cikgu. Mungkin tak mampu untuk bayar kos perubatan nanti.
Cikgu Asri	: Jangan risau..kan semua murid sekolah diinsuranskan. Ingat tak premium RM 1.50 yang kamu bayar awal tahun.
Amin	: Hanya dengan RM 1.50 boleh tanggung kos perubatan yang tinggi??

- a) Bagaimanakah Cikgu Asri dapat menjelaskan persoalan yang dikemukakan oleh Amin? [8 markah]
- b) Berikut adalah 3 situasi.

PERNYATAAN	SITUASI
A	2 buah kereta mewah milik Syarikat Wow Laju Sdn Bhd telah dicuri dari gudangnya. Syarikat ini kemudiannya telah mendapat gantirugi penuh dari Syarikat Insurans Jamin Bayar Bhd. Sebulan kemudian sebuah daripada kereta tersebut dijumpai semula. Syarikat Wow Laju menuntut hak milik kereta tersebut.
B	Puan Lina menginsuranskan rumah ibunya dari risiko kebakaran. Semasa mengisi borang cadangan beliau sengaja menyatakan rumah papan ibunya sebagai rumah batu.
C	Kilang perabot Seri Meranti telah diinsuranskan dari risiko kebakaran oleh pemiliknya. Suatu malam perabot bernilai RM 70 000 telah lesap dilarikan pencuri.

Terangkan kedudukan insurer dan insured dalam setiap situasi. [12 markah]


- c) Pernyataan berikut adalah berkenaan dengan ejen.

'Kebanyakan syarikat insurans memasarkan produk mereka melalui ejen.'

- i. Nyatakan jenis ejen tersebut. [1 markah]
- ii. Terangkan ciri-ciri ejen tersebut. [4 markah]

4 Berikut adalah dua jenis milikan perniagaan

Milikan A



Milikan B



Kilang Rahman dan Rakan-Rakan

Syarikat Hartanah Mewah Sdn Bhd

- a) Jelaskan kelebihan jenis milikan perniagaan B berbanding A. [10 markah]
- b) Mengapakah tidak semua perbadanan awam diswastakan? [7 markah]
- c) Terangkan bagaimana insentif percukaian yang diberikan kerajaan dapat membantu peniaga. [8 markah]

- 5 Berikut adalah petikan daripada keratan akhbar.

MARRYBROWN PERKENAL KONSEP BERSANTAI

Oleh: Ibrahim Isa

Restoran Marrybrown di pasar raya Kipmart, Tampoi dan Bestmart, Skudai yang mengenengahkan konsep dan wajah baru sekali gus menjadikannya antara restoran makanan segera pilihan utama pelanggan.

Konsep '**wajah baru, rasa sedap**' menjadikan Marrybrown sebagai restoran makanan segera tempatan yang berdaya saing untuk menarik pengunjung menikmati hidangan dalam suasana santai dan selesa.

Harian Metro, 7 Mei 2005

Berdasarkan petikan itu :

- (a) i. Apakah jenis promosi tersebut? [1 markah]
- ii. Terangkan kelebihan promosi di (i) kepada restoran tersebut. [6 markah]
- (b) Perbualan berikut adalah di antara Encik Afiq dan adiknya Encik Shahrul selepas mewarisi wang tunai peninggalan bapa mereka.

En. Shahrul : Apa abang hendak buat dengan wang RM 100 000 yang abang dapat?

En. Afiq : Abang rasa wang ini abang hendak gunakan untuk membeli saham.

En. Shahrul : Saya tak beranilah! Saya fikir saya akan simpan sahaja dalam akaun simpanan tetap.

En. Afiq : Baguslah, kita bersama-sama boleh mendapat keuntungan. Cuma caranya sahaja yang berbeza.

Berdasarkan perbualan itu, terangkan faktor yang telah dipertimbangkan oleh mereka sebelum membuat keputusan.

[8 markah]

(c)

Masalah utama yang dihadapi oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ialah masalah modal dan pembiayaan.

- i) Huraikan pernyataan tersebut. [5 markah]
- ii) Bagaimanakah masalah itu dapat diatasi? [6 markah]

Bahagian B

[Lihat sebelah]

Bahagian ini mengandungi satu soalan yang wajib dijawab

Baca situasi berikut dengan teliti.

- 6 Syarikat KBM Sdn. Bhd., menjalankan perniagaan mengeksport kayu balak tempatan. Agensi ini yang beribu pejabat di Cameron Highland, Pahang telah beroperasi selama 12 tahun. Pengarah urusannya ialah Encik Farhan Hamid. Baru-baru ini beliau telah membuat promosi secara intensif ke negara Asia Timur dengan bantuan agensi kerajaan.

Kesan dari promosi tersebut pada 1 September, 2009, Syarikat KBM Sdn. Bhd telah menerima satu dokumen pesanan dari Syarikat Tomodo, pelanggan baru dari Nagoya, Jepun untuk menghantar 100,000 tan kayu balak bernilai RM 7 juta pada 31 Disember, 2009.

En. Farhan mengarahkan pekerjaanya menyediakan pesanan tersebut dan menempah pengangkutan yang sesuai untuk penghantaran ke Jepun. Beliau sendiri akan menguruskan dokumentasi kastam untuk penghantaran kayu balak tersebut.

Beberapa hari sebelum penghantaran dibuat beberapa ahli lembaga pengarah syarikat menghubungi Encik Farhan menyuarakan kebimbangannya tentang kesulitan yang mungkin timbul untuk memungut bayaran. Menurut mereka Syarikat Tomodo merupakan pelanggan baru yang tidak diketahui kedudukan kewangannya. Namun mereka dapat diyakinkan apabila Encik Farhan menerangkan terdapat cara untuk menjamin bayaran dari pihak pengimport.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan berikut:

- (a) i. Terangkan satu agensi kerajaan yang paling sesuai membantu beliau membuat promosi tersebut. [4 markah]
- ii. Nyata dan terangkan tentang dokumen yang diterima oleh Syarikat KBM SDN BHD pada 1 September 2009. [5 markah]
- (b) i. Nyatakan jenis pengangkutan yang paling sesuai digunakan oleh Syarikat KBM Sdn Bhd untuk menghantar pesanan tersebut. [6 markah]
Jelaskan alasan anda.
- ii. Terangkan prosedur penghantaran yang perlu dipatuhi oleh Syarikat KBM Sdn Bhd untuk menghantar pesanan kepada Syarikat Tomodo. [6 markah]
- (c) Bagaimanakah '**cara untuk menjamin bayaran dari pihak pengimport**' yang dimaksudkan oleh Encik Farhan. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



JABATAN PELAJARAN PERAK

**GERAK GEMPUR SPM
2010**

PERDAGANGAN

Kertas 1 dan Kertas 2

PERATURAN PERMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Terpelihara**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

SKEMA SOALAN KERTAS 1

1.	B	11.	D	21.	C	31.	D
2.	D	12.	C	22.	C	32.	C
3.	B	13.	C	23.	B	33.	C
4.	A	14.	D	24.	C	34.	D
5.	B	15.	A	25.	B	35.	C
6.	B	16.	C	26.	A	36.	D
7.	A	17.	A	27.	A	37.	A
8.	A	18.	B	28.	C	38.	D
9.	B	19.	B	29.	D	39.	D
10.	D	20.	C	30.	B	40.	B

SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN A – KERTAS 2 3755/2(SET 1)

Jawapan

- | | | |
|------|---|---------------|
| 1 a) | Faktor-faktor pengeluaran ada 4 iaitu : | |
| | Tanah | 1 |
| | Semua sumber/bahan mentah dari alam semula jadi | 1 |
| | Contoh : bahan galian/hasil hutan/hasil laut | 1 |
| |
Buruh |
1 |
| | Segala usaha manusia secara fizikal/mental/
Yang terlibat dalam pengeluaran | 1 |
| | Terdiri dari buruh mahir/buruh tidak mahir | 1 |
| |
Modal |
1 |
| | Harta benda yang digunakan untuk membantu pengeluaran | 1 |
| | Contoh : wang/bangunan/mesin | 1 |
| |
Usahawan |
1 |
| | Menggabungkan semua faktor pengeluaran untuk
menghasilkan produk | 1 |
| | Menanggung risiko perniagaan | 1 |
| | | Maks 8 markah |
| b i) | Inovatif | 1 |
| | Kerana menghasilkan orkid berbau harum dan mempunyai
kesegaran yang lebih lama. | 1 |
| | | 2 markah |
| ii) | Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat | 1 |
| | hasilkan bunga orkid berkualiti | 1 |
| |
Menyumbang terhadap pembangunan ekonomi
wujudnya perniagaan bunga orkid |
1
1 |
| |
Mewujudkan peluang pekerjaan/mengurangkan
pengangguran/mengurangkan penghijrahan |
1
1 |
| | Ladang orkid memerlukan pekerja | 1 |
| | Meningkatkan taraf hidup masyarakat | 1 |
| | pendapatan /kuasa beli meningkat | 1 |
| |
Penemuan ciptaan baru dalam bidang teknologi |
1 |
| | menghasilkan bunga orkid berkualiti /
wujudkan pasaran lebih luas. | 1 |
| | | Maks 8 markah |

c	Bagaimana bank dapat membantu peniaga :	
	• Menyediakan kemudahan penerimaan/pembayaran	1
	Contoh : Cek/draf bank/online/e banking	1
	• Membiayai peniaga	1
	Beri pinjaman/overdraf	1
	• Perkhidmatan lain/	1
	Contoh: Khidmat nasihat/ nasihat pelaburan	
	• Memberi perkhidmatan simpanan/peti simpanan	1
	malam/peti simpanan selamat	
	• Akaun Simpanan/akaun semasa	1
	• Pertukaran asing/surat kredit	1
		Maks 7
		Markah
2 a i)	A – Pengeluar → Pengguna	1
	B- Pengeluar → Ejen → Pengguna	1
		<hr/> 2 markah <hr/>
ii)	Alasan:	
	• A – Doktor beri khidmat terus pada pelanggan	1
	• Kapalterbang pula barang nilai tinggi/tempahan khas	1
	• Pelanggan selalunya telah dikenalpasti	1
	• Oleh itu tidak perlukan orang tengah	1
	• B – Kosmetik dan kereta perlu penerangan tentang cara guna	1
	• Ejen boleh membantu memperkenalkan barang kepada pelanggan	1
	• Pasaran belum dikenalpasti	1
	• Dengan guna ejen boleh luaskan pasaran di dalam dan luar negara	1
		Maks 6
b)	Kedai Sejaras/ Rantaian	1
	Ciri-cirinya:	
	• Bentuk organisasi – Syarikat berhad/ modal besar	1
	• Ditubuhkan oleh pengilang/Jual barang sendiri	1
	• Pentadbiran pusat/dikawal ibu pejabat	1
	• Mempunyai banyak cawangan/min 10	1
	• Barang/perkhidmatan standard	1
	• Dari segi harga/kualiti/logo/promosi dll	1
	• Mengamalkan jualan tunai/kad kredit	1
		Maks 7
c)	Puan Sharifah Aliya perlu :	
	• Praktikkan amalan perniagaan yang baik	1
	-beri perkhidmatan/ jual barang berkualiti	1
	• Amalkan pengiklanan yang beretika	1

- tidak buat iklan yang menyeleweng 1
- Sedia menerima rungutan dari pelanggan 1
- sediakan kotak cadangan/kaunter aduan di salonnya 1
- Memelihara alam sekitar 1
- memastikan kilangnya tidak membuang sisa toksin 1
- merata-rata
- Menjalankan tanggungjawab sosial 1
- Membantu masyarakat dengan beri derma/ 1
- basiswa/buat projek kebajikan dll

10 markah

Markah

- 3 a) Syarikat Insurans mampu bayar pampasan kerana :
- Mengamalkan perkongsian risiko 1
 - Yang ramai membantu yang sedikit 1
 - Individu yang mungkin alami risiko yang sama 1
 - berkumpul
 - Untuk menabung dalam satu dana 1
 - Jika berlaku risiko, sebahagian wang dana dikeluarkan 1
 - untuk bayar pampasan 1
 - Lebihan wang dana akan dilabur 1
 - Untuk mendapatkan pulangan
 - Kerana bukan semua pemegang polisi kena risiko 1
 - sekali gus

8 markah

- b) **Situasi A**
- Mengikut prinsip indemnitasi fasal subrogasi 1
 - Insurer tidak boleh tuntutan hak milik kenderaan 1
 - Kerana telah terima ganti rugi 1
 - Kenderaan jadi hak milik insurer 1
 - Sebaik sahaja pampasan dijelaskan 1
- Situasi B**
- Mengikut prinsip penuh percaya mutlak 1
 - Pn Atikah mesti isi borang dengan jujur dan amanah 1
 - Jika berlaku risiko, insurer tidak akan bayar gantirugi 1
 - Sebab Pn Atikah beri maklumat palsu 1
 - Polisi insuransnya terbatal 1
- Situasi C**
- Prinsip Indemniti fasal Doktrin Punca Hampiran 1
 - Insurer tidak akan bayar ganti rugi 1
 - Sebab risiko yang berlaku bukan risiko yang 1
 - diinsuranskan
 - Perabotnya dicuri bukan terbakar 1

Maks 12

- | | | |
|------|--|---------------|
| c) i | • Ejen penjual | 1 |
| | • Memasarkan perkhidmatan pengeluaran | 1 |
| | • Memiliki kepakaran di bidang pemasaran | 1 |
| | • Membuat perancangan tentang keluaran, promosi dll | 1 |
| | • Menerima komisen untuk perkhidmatan yang diberi | 1 |
| | | Maks 5 |
| 4 a) | Kelebihan Syarikat Sdn Bhd berbanding perkongsian: | |
| | • Pemegang syer syarikat sdn bhd menanggung liabiliti terhadap | 1 |
| | -tanggungjawab ahli hanya setakat modal yang dilaburkan disumbangkan / tidak melibatkan harta peribadi | 1 |
| | • Lebih berkeupayaan mendapatkan modal yang lebih besar | 1 |
| | - kerana bilangan ahlinya ramai | 1 |
| | • Berupaya menjalankan perniagaan yang lebih besar | 1 |
| | - menikmati ekonomi bidangan / penjimatan kos pengeluaran | 1 |
| | - Kewujudan perniagaan kekal kerana mempunyai entiti dan taraf perundangan sendiri/syarikat boleh mendakwa dan didakwa | 1 |
| | - Mempunyai lebih kuasa meminjam | 1 |
| | - kerana senang menyakinkan pembiaya / bank | 1 |
| | | 10 markah |
| b) | Perbadanan Awam masih wujud sebab : | |
| | - Mengelakkan pembaziran sumber akibat persaingan tidak sihat sebab monopoli sektor tertentu | 1 |
| | | 1 |
| | | 1 |
| | - Menyediakan perkhidmatan asas seperti hospital / perubatan / sekolah mementingkan kebajikan untuk semua rakyat | 1 |
| | | 1 |
| | | 1 |
| | - Menyediakan perkhidmatan / pengeluaran secara besar-besaran sebab sokongan modal daripada kerajaan wujud penjimatan kos / kecekapan / ekonomi bidangan | 1 |
| | bayaran murah kepada orang ramai | 1 |
| | | Maks 7 markah |

c)	Insentif cukai membantu peniaga:	
	- Menceburi bidang perniagaan yang digalakkan kerajaan	1
	- Untuk mendapatkan taraf perintis	1
	- Contohnya perkilangan/perhotelan	1
	Boleh menikmati elaun cukai pelaburan	1
	Untuk perbelanjaan modal	1
	Untuk projek yang hasilnya hanya diperolehi dalam jangka panjang	1
	Boleh mendapat Elaun Pelaburan Semula	1
	Iaitu pengecualian cukai atas jumlah modal yang dilabur bagi pembinaan kilang/ loji dll	1
	Memohon pengecualian cukai	1
	Untuk syarikat berstatus MSC	1
	Boleh mohon pengecualian cukai 5 tahun	1
	Mendapatkan potongan cukai 2 kali	1
	Untuk belanja promosi eksport barang buatan Malaysia	1
	Ini dapat mengurangkan beban kewangan peniaga	1
		Maks 8 markah

5 a) i	Jenis promosi ialah:	
	Publisiti	1
	ii Kelebihan kepada restoran	
	Jimat kos promosi	1
	-bayaran siaran tidak dibayar oleh restoran	1
	Berita lebih meyakinkan pengguna	1
	-kerana disiarkan oleh media bebas/Harian Metro	1
	Siaran media luas	1
	-tingkat bilangan pelanggan	1
		6 markah

b)	Faktor yang dipertimbangkan ialah:	
	• Pulangan atas modal	1
	En. Afiq – syer bonus/dividen/keuntungan atas modal	1
	En. Shahrul – Faedah atas simpanan	1
	• Risiko dalam pelaburan	1
	En. Afiq – mahir/berpengetahuan/suka cabaran/ lebih tinggi risiko lebih tinggi pulangan	1
	En. Shahrul – lebih selamat kerana risiko rendah	1

• Kecairan	1
Kedua-dua jenis pelaburan senang ditukar kepada wang tunai	1
c i) Masalah modal dan pembiayaan dihadapi kerana:	
• modal terhad / kecil / kurang cair	1
• sukar mendapat pinjaman daripada bank / institusi kewangan kerana:	1
- tiada cagaran	1
- bank kurang berminat	1
- kos memproses pinjaman adalah tinggi	1
- tiada rancangan perniagaan yang lengkap	1
- status kewangan IKS diragui	1
	Maks 3
• IKS memberi kredit kepada pelanggan / kurang modal pusingan	1
	Maks 5 markah
ii) Cara mengatasi masalah:	
	1
- melalui Program Bantuan Kewangan	
• Pinjaman / kemudahan kredit	1
- daripada bank perdagangan	1
• Jaminan untuk mendapatkan harta tetap /	1
- modal pusingan daripada bank perdagangan/ daripada Syarikat Jaminan Kredit (CGC)	1
• Pakej Kewangan untuk IKS (PAKSI)	1
- daripada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)	1
	6 markah

BAHAGIAN B

a) i	MATRADE	1
	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan khidmat nasihat tentang prosedur eksport dan dokumentasi • Beri maklumat tentang tariff dan syarat perniagaan antara bangsa • Menganjurkan pameran dan ekspo yang boleh disertai oleh Syarikat KBM Sdn Bhd • Mengelolakan misi lawatan dagangan ke luar negara • Wakil Sykt KBM Sdn Bhd dapat berjumpa bakal pelanggan 	1 1 1 1 1
		Maks 5
ii	Inden Tertutup	1
	<ul style="list-style-type: none"> • Pesanan bertulis • Pengimport kepada pengeksport • Nama pengeluar telah ditetapkan • Mengandungi butir tentang barang yang dipesan 	1 1 1 1
		Maks 4 markah
b) i	Kapal Kerentan	1
	<ul style="list-style-type: none"> • Kerana kayu balak barang pukal/kuantiti besar • Kayu balak tidak mudah rosak • Tidak diperlukan segera • Ada masa 3 bulan untuk penghantaran • Boleh carter satu kapal untuk perjalanan • Tambangnya boleh dirunding 	1 1 1 1 1 1
		Maks 6
ii	Prosedur eksport:	
	<ul style="list-style-type: none"> • Menempah kapal untuk dapatkan ruang untuk kayu balak 	1
	Tempahan boleh dibuat melalui ejen	1
	<ul style="list-style-type: none"> • Hantar barang ke pelabuhan 	1
	Menggunakan pengangkutan yang sesuai	1
	<ul style="list-style-type: none"> • Menguruskan pelbagai prosedur kastam 	1
	Mematuhi peraturan kastam/isi borang, bayar cukai	1
	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan dokumen yang diperlukan 	1
	Invios konsular, bil muatan dll	1
	<ul style="list-style-type: none"> • Barang dimuatkan ke kapal 	1
	Dari dermaga	1
	<ul style="list-style-type: none"> • Menuntut bayaran dari pengimport 	1
	Pastikan telah menerima bil perintah bayar/kredit berdokumen dari pengimport sebelum hantar barang	1
		Maks 6

c) **Cara untuk menjamin bayaran dari pengimport :**

Sebelum barang dihantar kepada pengimport Encik Farhan hendaklah pastikan :

- Mendapatkan bil perintah bayar yang telah disahkan oleh pengimport untuk jaminan bayaran 1
- Bil ini boleh dijadikan cagaran untuk pinjaman bank/ boleh didiskaunkan 1
- Dapatkan juga kredit berdokumen dari bank pengimport 1
- Dengan cara menghantar surat cagaran/bil muatan dan invios 1
- Kepada bank pengimport 1
- Bank Negara pengimport akan mengeluarkan surat kredit/jaminan untuk bayaran 1
- Surat cagaran membolehkan bank menjual barang sekiranya pengimport enggan buat bayaran 1

Maks 4 markah